



Rasuah kewangan, politik kebimbangan utama

Harapan Metro 15/04/2018 M15 16

■ Kajian bebas selepas PRU-14 sependapat prospek ekonomi negara cerah

Mohd Zaky Zainuddin
zaky@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Kajian bebas pasca-Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) mendapati, isu rasuah kewangan dan politik menjadi kebimbangan utama rakyat negara ini.

Namun, hasil kajian sepanjang Jun lalu mendapati kadar kebimbangan itu sudah menurun kepada 60 peratus berbanding 66 peratus yang direkodkan menerusi kajian pada April lalu.

Selain itu, kaji selidik Ipsos Sdn Bhd (Ipsos) mengenai 'Apa yang Merisaukan Malaysia' ketika menghampiri 100 hari pentadbiran kerajaan baharu, dua pertiga daripada rakyat Malaysia yakin negara kini berada pada landasan tepat untuk terus berkembang.

Kira-kira 66 peratus daripada rakyat Malaysia yakin kepemimpinan kerajaan


pasca-PRU-14 mampu membawa kemakmuran kepada negara pada masa depan.

Majoriti daripada 500 responden yang menyertai kaji selidik Jun lalu mendedahkan Malaysia memiliki masa depan yang cerah dan prospek ekonomi yang baik menjelang tahun depan.

Bagaimanapun, menurut kajian bulanan dilaksanakan syarikat penyelidikan pasaran bebas itu, isu rasuah kewangan dan politik menjadi kebimbangan utama dengan 60 peratus daripada responden mengharapkan tindakan berterusan dilakukan kerajaan dalam menangani masalah berkenaan.

"Walaupun ada penurunan enam peratus daripada 66 peratus yang dicatatkan pada April mengenai kebimbangan berkaitan rasuah, Malaysia menjadi negara kedua tertinggi selepas Peru daripada 28 negara yang menyertai kaji selidik kami.

APAKAH YANG MERISAUKAN MALAYSIA: SEBELUM & SELEPAS PRU



3 KEBIMBANGAN UTAMA SYARIKAT-SYARIKAT SELEPAS PRU-14

- 1 Ketidakpastian terhadap dasar-dasar kerajaan
- 2 Susut nilai mata wang tempatan
- 3 Kos-kos yang terbabit dalam pembalikan GST

Sumber: IPSOS

"Sehubungan itu, rakyat mengharap kerajaan dapat menangani isu rasuah kewangan dan politik, selain memberi banyak tumpuan untuk mengurangkan kadar pengangguran serta meningkatkan kualiti pekerjaan di negara ini," demikian menurut kajian itu.

Menurut kaji selidik itu lagi, isu pengangguran dan pekerjaan berada pada kedudukan kedua dengan 43 peratus manakala jenayah dan keganasan dengan 41 peratus dan keruntuhan moral (31 peratus).

Ia masing-masing meningkat daripada 33 peratus (pengangguran dan pekerjaan), 33 peratus (jenayah dan keganasan) dan 27 peratus (keruntuhan moral) yang dicatatkan pada April 2018.

"Kaji selidik turut menunjukkan usaha kerajaan baharu dalam memansuh Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan mengurangkan kos sara hidup, membantu

mengurangkan kebimbangan rakyat terhadap percukaian dan inflasi," katanya.

Pengarah Urusan Ipsos, Arun Menon memberitahu NSTP yang sentimen optimistik yang dilahirkan rakyat kepada kerajaan ketika ini bakal memacu pentadbiran di bawah Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Kita jangka tahap keyakinan ini akan terus meningkat di mana sentimen positif rakyat akan berpandukan langkah yang diambil kerajaan pada masa akan datang dalam menangani pelbagai perkara termasuk isu rasuah dan percubaian.

"Cuma kerajaan semasa perlu menghadapi cabaran besar untuk mengekalkan paras keyakinan rakyat dan jangkaan tinggi orang ramai selain keperluan keberterangan serta pengawasan terhadap tindakan kerajaan pada masa akan datang," katanya.